

Model Pengurusan Sumber Manusia Dari Perspektif Islam

AB. AZIZ YUSOF
NUR FITRIAH AHMAD FADHIL
AZMI SHAARI

ABSTRAK

Pelbagai model pengurusan daripada perspektif Islam telah diajukan dalam sejarah peradaban Islam. Model-model pengurusan perspektif Islam ini telah terbukti berjaya serta layak diambil sebagai contoh. PSM dari perspektif Islam adalah sesuai direalisasikan kerana selari dengan naluri tuntutan keinsanan yang meliputi keperluan fizikal, akal, nafsu dan rohani. Semua tuntutan ini perlu dipenuhi secara seimbang bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan pemanfaatan sumber manusia sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu makalah ini membincangkan satu model PSM dari perspektif Islam sebagai satu alternatif kepada PSM konvensional.

ABSTRACT

Various models of human resource management from an Islamic perspective have been proposed and explored in Islamic civilization. These models of human resource management have been proven to be effective and are therefore suitable to be followed. Human resource management from an Islamic perspective is believed to be the best and able to cater physiological, psychological and emotional needs and demands that is common to human beings. All these needs have to be fulfilled in ensuring an efficient and effective utilization of human resources of organizations. In line with that basic assumption this article discusses a model of human resource management from an Islamic perspective as an alternative to conventional practices.

PENGENALAN

Dalam usaha untuk merealisasikan Pengurusan Sumber Manusia (PSM) berprinsipkan Islam, Pengurus Sumber Manusia (pengurus) perlu bertindak sejajar dengan nilai-nilai pengurusan yang pernah dibangunkan pada zaman kegemilangan Islam. Perkara ini bukan merupakan suatu perkara yang sukar untuk dicapai. Ini adalah kerana sejarah Islam telah menyediakan model-model

pengurusan yang berjaya serta layak diambil sebagai contoh. Dengan cara ini akan membolehkan pengurus kontemporari menyuluh kembali kekuatan yang dimiliki oleh rakan mereka di zaman silam dengan menyesuaikan keperluan PSM kontemporari. Apa yang jelas PSM dari perspektif Islam adalah selari dengan naluri tuntutan keinsanan yang meliputi keperluan fizikal, akal, nafsu dan rohani. Semua tuntutan ini perlu dipenuhi secara seimbang, adil dan syumul bagi memastikan keefektifan dan keefisienan sesebuah organisasi. Sehubungan dengan ini, kertas kerja ini akan membincangkan satu model PSM dari perspektif Islam sebagai satu alternatif kepada PSM konvensional.

MENGEMBALIKAN TUNTUTAN PSM ISLAM

Islam adalah agama yang syumul meliputi semua aspek dalam kehidupan termasuk kehidupan berorganisasi. Islam tidak menyekat kegiatan duniawi sebaliknya memastikan umat Islam menggunakan setiap sumber kurniaan Allah dengan penuh amanah. Setiap tindak-tanduk pengurus untuk memakmurkan organisasi dengan mengambil faedah daripada setiap sumber yang dimiliki diterima sebagai ibadat dan dijadikan bekalan untuk hari akhirat jika ia dilakukan selari dengan tuntutan Ilahi (Fuad M. Fachruddin, 1982). Kajian yang dilakukan oleh Khalid Duran (1997), mendapati prinsip Islam yang melarang tindakan yang boleh memudaratkan orang lain dan juga diri sendiri adalah prinsip bersifat sejagat serta sesuai dipraktikkan dalam semua aspek kehidupan manusia. Melalui prinsip-prinsip ini pengurus dapat menjadi lebih bertanggungjawab, bersikap lebih terbuka dan seimbang (Rahman, 1996). Pendekatan ini berbeza dengan pengurusan lazim yang lebih mengutamakan keuntungan dan pengeluaran sehingga bagi mencapai matlamat ini mereka bersedia untuk membelakangkan nilai-nilai keinsanan. Sehubungan dengan ini Mansor dan Ali (1998) pernah mencadangkan bahawa sudah sampai masanya amalan pengurusan di Malaysia dilihat dan difahami dari perspektif Islam yang berbeza daripada perspektif lazim.

Begitu juga dengan pelaksanaan PSM. Ia merupakan satu pendekatan bertujuan untuk mengambil manfaat dan membangunkan sumber tenaga manusia yang terdapat dalam organisasi bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam usaha untuk memastikan kecemerlangan, pengurus perlu menggunakan secara optimum segala potensi yang dimiliki oleh pekerja termasuk pengetahuan, kemahiran, kepakaran, bakat dan kebolehan bagi memenuhi tuntutan pelbagai pihak yang berkepentingan atau stakeholders. Matlamat utama PSM Islam adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan dan menjamin kemakmuran kepada manusia sejagat di samping memastikan organisasi terus memperoleh keuntungan dan berkembang maju hasil daripada pelaksanaan kerja yang lebih efisien dan efektif.

Lanjutan daripada tuntutan ini, menjadi peranan setiap pengurus untuk membongkar kelebihan yang terdapat dalam PSM berprinsipkan Islam. Tuntutan ini merupakan satu tuntutan sejagat untuk memenuhi keperluan sejagat. Ini adalah kerana manusia sejagat telah merasai kepedihan, kesukaran dan pelbagai bentuk penindasan yang dialami kesan daripada pendekatan pengurusan barat yang telah meletakkan pekerja setaraf dengan faktor-faktor pengeluaran yang lain. Alexis Carrel pernah menggambarkan kegagalan pengurusan barat sebagaimana yang telah dicatat oleh Abul Hasan Ali Nadwi (1975) seperti berikut:

“In truth of modern life has set them free. It incites them to acquire wealth by any and every means, provided that these means do not lead them to jail.....It allows them to frequent excitation and the easy satisfaction of their sexual appetites. It does away with constraint, discipline, effort, every thing that is inconvenient and laborious.”

Pernyataan di atas adalah jelas kerana sejarah telah membuktikan bagaimana jutaan rakyat kulit hitam daripada benua Afrika dan Asia yang telah dipisahkan daripada tanah air sendiri di bawa ke Amerika dan juga negara-negara barat yang lain untuk dijadikan hamba bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di kilang-kilang perusahaan yang dimiliki oleh golongan pemodal pada kurun ke-19 dan ke-20. Sebaliknya sejarah pernah membuktikan semasa di bawah kegemilangan peradaban Islam manusia sejagat telah memperoleh limpahan kemakmuran melangkaui batasan sempadan, bangsa dan agama (Abul Hasan Ali Nadwi, 1975). Islam telah berjaya mempersaudarakan di antara pemilik/pemodal/pengusaha dengan pengurus dan pekerja yang bekerja untuk sesebuah organisasi. Rasulullah (s.a.w) pernah memberi peringatan mengenai perkara ini sebagaimana berikut:

“Mereka itu adalah saudara-saudara kamu. Allah menjadikan mereka berada dalam tanggungan kamu. Maka barangsiapa yang saudaranya berada dalam tanggungannya, maka hendaklah ia memberi makan kepada saudaranya itu sama dengan makanannya sendiri, dan hendaklah ia memberi pakaian kepada saudaranya itu sama dengan pakaiannya sendiri.” (Hadis Riwayat Ibnu Majah).

Justeru itu menjadi peranan pengurus untuk mengembalikan kegemilangan pengurusan Islam yang pernah dicapai pada suatu masa dahulu. Mengembalikan semula kegemilangan pengurusan Islam adalah jauh lebih mudah jika dibandingkan pada peringkat awal ia dibangunkan. Ini adalah kerana model dan sumber pengurusan Islam dan juga PSM Islam sudah sedia ada di tangan umat Islam. Apa yang lebih penting ialah kesediaan mereka untuk membongkar dan menyelongkar sumbangan peradaban Islam

dalam mengembangkan pengurusan Islam sehingga ramai daripada kalangan peniaga pada zaman kegemilangan Islam turut berperanan sebagai mubaligh ke segenap pelusuk alam. Mereka perlu mewarisi kegemilangan umat Islam di zaman lampau sebagaimana yang pernah dijelaskan oleh pakar sejarah Profesor Ross E. Dunn seperti berikut:

“Orang Islam, pada abad ke-14 sudahpun berada di serata tempat dan pelosok dunia. Pedagang-pedagang Islam sentiasa sahaja bergerak dari sebuah rantau ke sebuah rantau yang lain dan memperkukuhkan perdagangan antarabangsa di hemisfera timur yang berlangsung pada waktu tersebut. Pedagang-pedagang Islam ini memiliki ciri-ciri yang unggul. Mereka kaya, pantas bergerak dan bersifat kosmopolitan.”
(Syed Nurul Akla Syed Abdullah, Berita Harian, 30 Oktober 2005).

Komitmen dan kesedaran pengurus untuk mengembalikan kegemilangan Islam perlu dipertingkatkan. Lebih-lebih lagi dewasa ini manusia sejagat telah merasai ancaman dan cengkaman syarikat multinasional barat dan timur yang telah menjajah mereka dalam bentuk yang lebih sistematik melalui kekuatan ekonomi yang mereka miliki. Menyedari ancaman ini, umat manusia sedang mencari-cari alternatif kepada pendekatan PSM lazim. Mereka sedar pendekatan PSM lazim telah membawa kerosakan dengan menafikan tuntutan keinsanan sejagat, bertindak rakus terhadap pekerja dan merampas kesejahteraan yang bakal dinikmati oleh generasi yang akan datang. Apa yang penting ialah pengurus perlu membangunkan keyakinan bahawa Islam sebagai agama yang mengutamakan kesejahteraan mampu menyediakan alternatif kepada sistem PSM yang sedia ada. Justeru itu Islam perlu diterima sebagai satu cara hidup yang sesuai melangkaui sempadan masa, situasi, fizikal dan tempat.

Mengembalikan kegemilangan pengurusan Islam bermakna memartabatkan semula keinsanan sejagat. Oleh itu PSM perlu diiktiraf sebagai faktor penentu kepada kejayaan organisasi. Pelaksanaannya perlu dilihat secara lebih progresif, dinamik, kontemporari, holistik dan mampu menjadi alternatif kepada permasalahan yang dihadapi oleh manusia secara sejagat. Umat Islam dan manusia sejagat tidak ada pilihan lain melainkan mengembalikan aktiviti pengurusan selari dengan tuntutan Ilahi. Mengembalikan kegemilangan Islam dengan meningkatkan kecekapan mereka dalam pengurusan sumber bermakna kemartabatan nilai-nilai keinsanan sejagat. Melalui garis panduan yang disediakan akan membolehkan pengurus mengetahui perkara-perkara yang boleh, yang perlu dielak dan tidak boleh dilakukan semasa mengurus pekerja. Mereka wajib mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan kerana ia merupakan kekuatan tersendiri dalam PSM Islam yang hanya diketahui oleh

Allah SWT. Segala usaha yang mereka ambil untuk memenuhi kehendak dan keperluan pekerja akan diterima sebagai ibadat jika kaedah pelaksanaannya dilakukan selari dengan tuntutan syarak yang telah ditetapkan oleh Islam. Mereka perlu bertindak dengan penuh yakin dan sentiasa beristiqamah kerana kejayaan pasti akan menyebelahi mereka. Rasulullah (s.a.w) pernah menegaskan tentang perkara ini melalui sabdanya yang bermaksud:

“Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dikasihi Allah daripada orang mukmin yang lemah, sedang tiap-tiap seorang ada kebaikannya (imannya); oleh itu hendaklah engkau bersungguh-sungguh berusaha memperoleh apa yang memberi manfaat kepadamu, serta hendaklah meminta pertolongan kepada Allah dan janganlah engkau bersikap segan dan malas □ (Hadis Riwayat Muslim).

Pengembalian kegemilangan pengurusan Islam akan membolehkan keadilan terlaksana. Ini ada kerana Islam adalah agama yang mengutamakan keadilan. Smirnov (1996) menjelaskan bahawa keadilan yang diamalkan dalam organisasi adalah bertujuan untuk membolehkan pekerja mendapat peluang yang sama, menghindar daripada sebarang bentuk penindasan, menerima penilaian yang sebenar hasil daripada pekerjaan yang disumbangkan dan untuk memuaskan keperluan sosial setiap pekerja secara harmoni tanpa mencacatkan hak individu, awam dan nilai-nilai yang menjadi pemilikan bersama. Bagi Rafik (1997) seseorang yang mahu membebaskan diri mereka daripada penindasan sudah tentu lebih berhak untuk mendapat bantuan. Justeru itu dengan berpegang kepada ajaran Islam maka aktiviti perniagaan yang dijalankan akan dapat mengelak daripada berlakunya penindasan kerana wujudnya hubungan persaudaraan yang erat antara pengurus dengan pekerja, pekerja dengan pekerja dan begitu juga hubungan dengan pihak-pihak lain. Bagi Khaliq (2004), tasawwur Islam meletakkan keprihatinan terhadap keinsanan sebagai asas kepada penentuan keadilan. Seterusnya, beliau turut menjelaskan konsep keadilan mengikut Islam berdasarkan tiga prinsip utama iaitu adalah (memastikan ia dilaksanakan dengan adil), insaf (sedar ke atas kesan daripada tindakan atau keputusan yang diambil) dan ihsan (dipersaksikan Tuhan dalam setiap keputusan dan tindakan). Bagi beliau, prinsip-prinsip ini akan memberi jaminan kepada dua bentuk ganjaran iaitu ganjaran kebendaan dan ganjaran yang berbentuk sementara. Melalui ganjaran yang berbentuk sementara atau *ukhrawi* akan menggalakkan golongan berada untuk mengagihkan sumber yang mereka miliki dengan adil kepada golongan yang kurang berada. Mengembalikan kegemilangan umat Islam melalui PSM merupakan benteng pertahanan umat Islam bagi berhadapan dengan ancaman di atas. Allah SWT telah memberi peringatan ini melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.” (Surah Al-Anfaal: 60).

Ayat di atas jelas membuktikan umat Islam perlu sentiasa membuat persediaan demi untuk mempertahankan diri, agama, bangsa dan negara. Memenuhi tuntutan ini adalah satu kemestian dan mereka perlu berjihad untuk memenuhinya. Allah telah menjanjikan ganjaran yang cukup besar kepada orang-orang yang berjihad di jalan-Nya. Kelemahan yang melanda umat Islam adalah disebabkan kurangnya penghayatan terhadap pengertian jihad apatah lagi apabila pengertian jihad telah diselewengkan oleh musuh-musuh Islam. Lebih parah lagi apabila terdapat umat Islam yang mengikut rentak yang dipalu oleh musuh-musuh mereka sendiri. Menurut beliau lagi, kecemerlangan pengurusan Islam yang pernah dikecapi oleh umat Islam dan insan sejagat pada masa dahulu lahir dari kelangsungan jihad yang didasari dengan kekuatan keimanan kepada Allah SWT. Justeru itu kesedaran untuk berjihad dalam perniagaan melalui PSM Islam yang berkesan perlu kembali dipersadakan (Muhammad Ali Haji Hashim, 2004). Lebih-lebih lagi umat Islam hari ini masih belum bersedia dari segi kelengkapan fizikalnya untuk berhadapan dengan mereka. Sebaliknya tindakan memupuk, membangun, memperkembangkan dan seterusnya meneruskan keberkesanan penggunaan sumber sudah tentu akan dapat peningkatan pencapaian diri, organisasi dan umat Islam. Ia perlu difokuskan kepada diri manusia secara individu atau secara berkumpulan ke arah membangunkan ummah manusia. Pengurus perlu bersedia menggunakan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan kepakaran yang sedia dimiliki untuk membangunkan dan meningkatkan keupayaan modal insan organisasi sama ada secara persendirian atau berjemaah. Umat Islam perlu yakin bahawa melalui PSM yang dilakukan selari dengan syariat Islam akan mampu mengembalikan kecemerlangan mereka.

PSM Islam mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri dengan satu matlamat unggul iaitu memberi kemakmuran kepada insan sejagat. Ali Syariati (1979) menjelaskan tujuan kebangkitan Nabi Muhammad adalah bukan hanya untuk mengukuhkan pandangan universal Tauhid, bahkan untuk merealisasikan doktrin Tauhid atau keEsaan ke dalam sejarah keinsanan, ke seluruh puak-puak, bangsa-bangsa, kelompok-kelompok masyarakat, keluarga-keluarga dan golongan kemasyarakatan dan untuk menghapus pelapisan dan sekatan-sekatan yang diciptakan oleh agama syirik. Dari sini,

kita dapat membezakan amalan PSM Islam dengan pendekatan lazim yang lebih mengutamakan keuntungan dan keberkesanan walau dengan apa cara sekalipun. Monir Toyeb (1997) telah menjelaskan sebagaimana berikut:

“Islam, unlike many other religions, is an all-encompassing creed, it governs every aspect of life, public and private, political and economic, and as such is relevant to business activities”


Islam telah meletakkan taraf kemuliaan dan kedudukan yang tinggi kepada manusia sehingga ia dijadikan Tuhan sebagai makhluk pilihan. Sebagai agama yang syumul, Islam sepatutnya dijadikan landasan untuk melahirkan pengurus dan pekerja organisasi yang berdaya saing, mempunyai semangat yang kental, bersedia untuk memberi yang terbaik dan pada masa yang sama bersedia untuk memperhambakan diri kepada Pencipta-Nya. Mereka perlu sedar objektif utama Islam adalah untuk meningkatkan tahap kehidupan manusia agar lebih selesa dan gembira (Afzal Ur-Rahman: 1994). Bagi mencapai matlamat ini, pengurus perlu bersedia memikul tanggungjawab untuk terus memakmurkan alam dan segala sumber yang ada untuk kebaikan manusia sejagat.

KEPERLUAN MODEL PSM DARI PERSPEKTIF ISLAM

Terdapat beberapa faktor penting yang mendorong kepada pembinaan model dalam pengurusan sumber manusia dari perspektif Islam. Faktor pertama adalah keperluan umat Islam untuk memahami teori dan amalan dalam usaha untuk mengislamisasikan dan menyuntik nilai-nilai Islam dalam PSM. Kedua umat Islam harus kembali kepada prinsip pengurusan sumber manusia dengan mengambil kira elemen semangat, sejarah dan kehidupan yang diamalkan sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dan para khalifah. Faktor ketiga yang mendorong kejayaan model PSM Islam adalah peranan umat Islam sendiri untuk menunjukkan sikap positif serta mengamalkan kaedah pelaksanaan prinsip PSM Islam dalam kehidupan seharian. Bagi merealisasikan usaha ini, umat Islam harus bijak membuat pemilihan metodologi yang spesifik agar dapat membantu program daripada peringkat bawahan hingga ke peringkat formulasi, pendefinisian dan pemilihan proses penyelesaian masalah. Hal ini kerana program pembangunan PSM memerlukan usaha yang dimulakan dari peringkat bawah lagi. Faktor terakhir yang mendorong pembinaan model PSM Islam ialah penciptaan model Islam daripada sumber utama pengurusan Islam. Walau bagaimanapun ia harus disesuaikan dengan pemikiran moden dengan menggunakan teknik, alat dan teknologi moden serta penglibatan pakar dan pengamal moden melalui khidmat nasihat.

MODEL PSM YANG HOLISTIK DARI PERSPEKTIF ISLAM

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2002) pelaksanaan agenda pengurusan hendaklah selari dengan tunggak dan prinsip yang telah ditetapkan oleh Islam. Bagi beliau kesyumulan pengurusan berteraskan Islam tentunya tidak boleh lepas lari dari bertunjangan kepada hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia. Oleh itu bidang PSM yang diamalkan dalam organisasi hendaklah mampu menonjolkan imej Islam yang kamil (sempurna), syumul (syumul), adil (adl) dan kontemporari. Pelaksanaannya pula hendaklah berpaksikan kepada ketauhidan terhadap Allah SWT, selari dengan tuntutan Al-Qur'an dan Hadis, ijmak dan qias serta membuka ruang ijtihad (Muhammad Nasri Hj. Md. Hussain dan Ab Aziz Yusof., 2005). Hasil daripada ketauhidan yang tinggi yang ada pada pengurus akan menjurus mereka untuk mengakui dan mempercayai keesaan dan kekuasaan Allah SWT serta tidak menyembah kecuali kepada Dia sahaja, dan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhkan diri daripada segala larangan-Nya (Haron Din, 1988).



Rajah 1 Model Pengurusan Sumber Manusia Holistik Dari Perspektif Islam

Merujuk kepada model di atas, Islam sebagai agama yang syumul turut memberi pengaruh yang signifikan kepada pengurusan organisasi dan juga pengurusan sumber manusia organisasi. Dalam membangunkan organisasi, pengurusan dan PSM berperanan secara simbiosis dalam yang bakal mempengaruhi prestasi organisasi. Oleh itu, pengurusan dan PSM Islam perlu

diterima sebagai kepada satu pendekatan ke arah merealisasikan pembangunan organisasi secara holistik. Pembangunan yang holistik perlu meliputi empat (4) elemen utama iaitu pembangunan penampilan fizikal, pembangunan akal, mengurus nafsu dan memantapkan kerohanian yang perlu dibangunkan secara serentak dan seimbang. Keempat-empat elemen ini dibincangkan sebagaimana berikut:

Penampilan Fizikal

Penampilan fizikal melambangkan kekuatan yang terdapat pada pengurus dan juga pekerja seperti memiliki tubuh badan yang sihat, kecergasan yang tinggi dan penampilan diri yang menyakinkan. Penampilan fizikal melambangkan satu kekuatan untuk mengatur dan menggerak langkah kerja dengan penuh disiplin sehingga mendatangkan keyakinan di kalangan *stakeholders*. Pengurus perlu membangunkan imej positif diri sendiri dalam usaha untuk menarik perhatian, meningkatkan reputasi dan kemampuan diri. Usaha-usaha seperti ini boleh dilakukan dengan berpakaian kemas, kemahiran berkomunikasi, kebolehan bergaul dengan pelbagai pihak dalam pelbagai situasi. Hal ini difirmankan oleh Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya sedia bersih bertambah-tambah bersih.” (Surah Asy-Syams: 9).

Tindakan sedemikian akan berjaya menarik perhatian orang lain tentang kelebihan yang mereka miliki dan menyebabkan pihak lain menaruh keyakinan yang tinggi kepada mereka. Adab berpakaian dan perhiasan turut dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya yang bermaksud:

“Berhiaslah ketika berpergian ke masjid (untuk sembahyang), dan makan dan minumlah dan jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berlebih-lebihan.”

Pengurus perlu mengelak daripada penampilan diri yang boleh menimbulkan ketidakpercayaan pihak lain untuk terus berurusan dengan mereka hasil daripada interaksi. Penampilan fizikal yang menimbulkan persepsi negatif yang terpancar daripada cara mereka berpakaian, cara bercakap, bertindak dan cara melayani seseorang hendaklah dielak. Di antara penampilan fizikal yang dimaksudkan adalah seperti berpakaian yang selekeh, kelihatan tidak bermaya atau tidak bersemangat, wajah yang tidak ceria, takut-takut dan air muka yang ‘unfriendly’ dan menunjuk-nunjuk. Sabda Rasulullah (s.a.w) yang bermaksud: *“Sesiapa yang berambut, hendaklah dirapikannya.”* (Hadis Riwayat Abu Daud).

Pembangunan Akal

Akal (intelekt) adalah sebagai pengimbang dan penghubung antara kehendak jasmani dan rohani yang perlu berteraskan ilmu yang bersumberkan wahyu (Al-Quran) dan As Sunnah) sebagai petunjuk. Pembangunan akal yang seimbang akan membolehkan pengurus untuk mengoptimalkan potensi keupayaan diri seperti berfikir secara proaktif, membuat penakulan, melakukan penganalisan dan melebarkan horizon pandangan. Keadaan ini akan membolehkan pengurus menyusun atur kehidupan selari dengan tuntutan pelbagai pihak yang berkepentingan, seiring dengan desakan situasi dan pastikan keharmonian ke kalangan insan terbina (Abdun Noor, 2001). Melalui pembangunan akal akan menjelaskan kepada pengurus tentang tujuan kehidupan, matlamat kehidupan, kaedah pencapaian matlamat dan peranan yang sepatutnya dimainkan oleh mereka di sepanjang kehidupan ini.

Tanpa pembangunan akal yang seimbang perjalanan kehidupan pengurus akan menemui kebuntuan kerana proses berfikir akan hanya memberi jawapan secara logik dan terhad kepada pengetahuan dan pengalaman yang ada. Pengurus perlu menggunakan kekuatan akal untuk merebut peluang perniagaan dengan mengambil faedah daripada setiap sumber yang telah dikurniakan Allah dalam usaha untuk memakmurkan organisasi. Sebagai pemegang amanah dan khalifah Allah SWT, pengurus hendaklah bersedia mengambil faedah daripada ayat-ayat di atas yang jelas mempunyai kaitan langsung dengan aktiviti perniagaan. Bagi membolehkannya dieksploit sebaik mungkin mereka hendaklah lebih imaginatif, kreatif dan inovatif dalam mengeluarkan dan mencipta produk baru daripada sumber-sumber berkenaan. Daya kekuatan akal pengurus untuk menganalisis sesuatu perkara akan menghasilkan persepsi sama ada ia suatu kebaikan atau keburukan. Pengurus yang tidak menggunakan akal dengan baik akan memiliki personaliti yang rosak. Ini bermakna sekiranya seseorang pengurus itu menggunakan akal dengan sepenuhnya, maka segala perbuatan yang dilakukan akan meletakkan matlamat organisasi selari dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Islam. PSM perlu diuruskan berpandukan kepada konsep Islamiah kerana jika pengurus hanya menggunakan akal mereka untuk mencari kaedah pengurusan yang ideal sudah tentu mereka gagal untuk menemuinya kerana kekuatan akal yang dikurniakan Allah adalah terhad.

Pengurusan Nafsu

Mengurus nafsu adalah berkait rapat dengan kematangan emosi. Mengurus nafsu adalah satu proses untuk membangunkan perasaan dan menghidupkan hati dalam diri manusia supaya pereraan kasih sayang, saling tolong menolong, bekerjasama dan hormat-menghormati akan terus terserlah dalam sesebuah

organisasi. Melalui pengurusan nafsu akan mengelak seseorang daripada perasaan tamak, dengki, riak, bongkak dan lain-lain. nafsu yang dimiliki diibaratkan sebagai sebuah cermin yang boleh menyinar dan memberi sinaran kepada orang lain. Dalam hal ini Rasullullah telah mengingatkan manusia melalui sabdanya yang bermaksud;

“ ..Ingatlah bahawa dalam jasad manusia itu ada segumpal daging, jika ia baik, baiklah jasad keseluruhannya. Dan jika ia rosak, maka rosaklah jasad keseluruhannya. Ingatlah itu adalah hati.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Nafsu yang dimiliki oleh manusia adalah tanpa had. Manusia secara semulajadi memang sukakan sesuatu yang menarik dan menyeronokkan. Sekiranya manusia dikuasai oleh nafsu tanpa batas maka akan lahir sifat-sifat negatif. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh kepada melakukan kejahatan kecuali orang-orang yang diberikan rahmat oleh Tuhannya (maka terselamatlah mereka dari hasutan nafsu itu).”

Oleh itu nafsu perlu diurus dengan baik bagi mengelak seseorang daripada melakukan penyelewengan dan bersikap tidak amanah di dalam pekerjaan kerana dipengaruhi oleh perasaan tamak dan dengki. Sabda Rasullullah (SAW) maksudnya:

“Orang yang bodoh itu yang menurut kemahuan nafsunya, kemudiannya ia bercita-cita agar Allah dapat memasukkannya ke dalam syurga.”

Mengikut Abdun Noor (2001), dalam pembangunan sumber manusia terdapat tiga peringkat nafsu iaitu nafsu mutmainnah, nafsu lawwamah dan nafsu amarah. Ketiga-tiga berkenaan dijelaskan sebagaimana berikut:

Mutmainnah

Pengurus dalam kategori ini sentiasa berusaha secara istiqamah untuk memastikan keceriaan, kedamaian dan kebahagiaan dalam kehidupan seharian mereka. Pada masa yang sama mereka berusaha untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan dalam diri sendiri dan juga orang lain supaya mencapai peringkat muhsinin. Berkenaan dengan jiwa dan perasaan, tuntutan dan keinginannya dijelaskan dalam Surah Asy-Syams ayat 7-9 sebagaimana firman Allah yang bermaksud :

“Dan jiwa serta penyempurnaannya, maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan kefasikan dan ketaqwaan). Sesungguhnya beruntunglah orang yang menyucikan (jiwa) dan rugilah orang yang mengotorinya”.

Pengurus perlu memiliki kebijaksanaan yang tinggi dalam mengawal nafsu dan meletakkan kesabaran sebagai asas kewarasan sebelum bertindak untuk membuat keputusan atau tindakan. Peringatan Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 269 menjelaskan keadaan ini:

“Allah memberikan hikmah kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan arang siapa yang diberi hikmah, sesungguhnya ia telah diberikan kebajikan yang banyak. Dan tidak ada yang dapat mengambil pelajaran kecuali orang-orang yang beriman”

Lawwamah

Pengurus yang dipengaruhi oleh nafsu ini mula menunjukkan dan mengakui kelemahan yang ada pada diri sendiri. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan aku bersumpah dengan nafsu yang pencela.” (Surah Al- Qiamah: 2).

Mereka bersedia menilai tabiat buruk masa lampau dan berusaha untuk memperbaiki kelemahan bagi memulakan kehidupan berorganisasi yang lebih ceria. Mereka mula sedar dengan kebenaran yang hakiki sehingga bersedia untuk membangunkan kecintaan dan kepatuhan terhadap Pencipta. Pengurus pada peringkat ini tergolong dalam golongan muttaqin. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi dan pertukaran malan dan siang menjadi tanda (atas kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang berfikir.” (Surah Ali Imran: 190)

Mengikut beliau, pengurus pada peringkat ini tergolong dalam golongan muslimin. Mereka akan berusaha untuk memenuhi tuntutan fisiologi seperti makan, pakaian, perlindungan dan tuntutan seks. Dalam usaha untuk memenuhi tuntutan ini mereka akan terus membangunkan kemahiran, kepakaran dan juga kebolehan dari sedgi fizikal dan juga mental. Bagi memenuhi tuntutan yang pelbagai mereka terdorong untuk bertindak di luar batasan keinsanan. Perlu ditegaskan nafsu amarah merupakan sumber kepada pelbagai penyelewengan, ketidakadilan, penindasan, penganiayaan dan juga keganasan di tempat kerja. Pendek kata nafsu ini sentiasa berusaha untuk melarikan diri daripada

melakukan kebaikan, kebajikan dan kesejahteraan organisasi. Antara ayat Al-Qur'an yang menjelaskan perkara ini adalah seperti berikut;

"..dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan kesalahan orang, Allah menyukai orang yang berbuat kebajikan."
(Surah Ali-Imran: 134)

Rasulullah juga pernah bersabda sebagaimana berikut:

"Orang yang paling gagah di antara kamu, ialah orang yang dapat mengalahkan nafsunya semasa marah. Dan orang yang paling penyantun pula, ialah orang yang memberi maaf, sedangkan ia berkuasa untuk membalas"

Kemampuan pengurus mengurus nafsu akan mewujudkan sikap hormat-menghormati, percaya-mempercayai, ikhlas, benar, adil dan bijaksana yang sentiasa tertanam di dalam diri mereka. Mereka juga akan lebih bersedia untuk menyelami dan memahami perasaan orang lain dengan mengambil tindakan bersesuaian dengan reaksi emosi orang lain. Perkara-perkara yang berkait rapat dengan sikap prejudis, ego, dengki dan was-was mampu dikikis dalam usaha untuk membina hubungan baik sesama insan terutama di tempat kerja. Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud:

"Kuat atau lemahnya iman seseorang dapat diukur dan diketahui dari nafsu serta perilaku akhlaknya. Kerana iman yang kuat mewujudkan nafsu dan akhlak yang baik dan mulia, sedang iman yang lemah mewujudkan akhlak yang jahat dan buruk laku, mudah terkeliru pada perbuatan keji yang merugikan dirinya sendiri dan orang lain." (Hadis Riwayat Muslim)

Memantapkan Kerohanian

Islam mengiktiraf pekerjaan sebagai satu ibadat dan tidak ada pemisahan di antara kerja yang diterima sebagai kerohanian dengan bukan kerohanian. Setiap ruang dalam pekerjaan, pengurus perlu melihatnya sebagai satu ikatan yang tidak ada pemisahan di antara kepentingan dalaman mereka dengan kepentingan pihak lain. Pengaplikasian doktrin Islam akan membebaskan individu di tempat kerja daripada sebarang bentuk penekanan, pengeksploitasian dan perhambaan dalam apa bentuk sekalipun. Seterusnya penghayatan terhadap nilai-nilai keislaman akan memastikan terdapatnya keadilan dalam pengurusan organisasi. Shari'ati (1979) pernah mengingatkan dan menyakinkan pengurus betapa perlunya mereka mendekatkan diri dengan nilai-nilai ketuhanan apabila beliau menyatakan sebagaimana berikut:

“God possesses absolute freedom, absolute awareness and absolute creative power. Ideal man, the bearer of God’s trust, he whom God has fashioned in His own form, is an eternal will overflowing with beauty, virtue and wisdom. In all of nature, only man has attained to a relative freedom, a relative awareness, and a relative creative power....”

Apabila penumpuan diberikan kepada nilai kerohanian yang selari dengan desakan ketuhanan pengurus perlu pastikan ia diterjemahkan kepada amalan harian kepada setiap pekerja dengan membuktikan penghayatan mereka terhadap aspek ini. Penghayatan pengurus terhadap kerohanian akan mendorong dan membantu mereka untuk lebih bersedia berhadapan dengan ketegangan akibat daripada tuntutan nilai sejagat yang perlu dihormati dengan saingan kepentingan diri atau memenuhi tuntutan pengurusan atasan yang bermotifkan keuntungan semata-mata. Zahid Parvez dan Pervaiz Ahmed (2004) menerangkan tasawwur Islam yang melihat penyelesaian kepada sesuatu permasalahan bukan hanya berpunca daripada luaran (*extrinsic*) dan permukaan (*surface*) tetapi memerlukan keprihatinan yang tinggi terhadap dimensi kerohanian kerana ia akan mempengaruhi tahap ketaqwaan seseorang pengurus.

KETAQWAAN DALAM PENGURUSAN PERNIAGAAN ISLAM

Taqwa dari kaca mata Islam itu berasaskan kepada iman dan kepatuhan kepada perintah Allah SWT Taqwa dilahirkan daripada niat, perkataan, syaksiah, tindakan dan dalam melaksanakan tanggungjawab rutin mereka. Ketaqwaan kepada Allah SWT perlu ada pada pengurus yang yakin dan percaya kepada kebesaran Allah SWT Kesedaran ini akan menjurus mereka untuk menyerahkan diri kepada Allah S.W.T secara total. Apabila seseorang muslim berserah diri pada Tuhan, mereka akan hanya takutkan Allah SWT dan sentiasa mengharapkan bantuan daripadanya. Takutkan Allah SWT akan menyebabkan seseorang itu takut untuk membuat perkara yang dilarang dalam Islam. Dalam konteks pengurusan, pengurus hendaklah mempunyai sifat ketaqwaan dalam diri mereka dan taqwa menjadi asas kepada mereka dalam menjana aktiviti perniagaan yang diceburi. Allah SWT telah berfirman yang bermaksud:

“Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama orang yang benar.” (Surah At-Taubah: 119)

Justeru itu ketaqwaan yang dimiliki oleh pengurus akan menjadi benteng penting untuk menahan pengurus daripada menyeleweng dan bersikap

tidak amanah di dalam melaksanakan aktiviti perniagaan. Ketaqwaan yang ada pada diri mereka mengelakkan Pengurus daripada memenuhi hawa nafsu. Sabda Rasullullah (SWT) yang bermaksud:

“Orang yang bodoh itu yang menurut kemahuan nafsunya, kemudiannya ia bercita-cita agar Allah dapat memasukkannya ke dalam syurga.”

Tawakal adalah sikap menyerahkan diri kepada Allah SWT atas usaha yang lakukan secara bersungguh-sungguh kemudian berserah kepada perancangan Allah SWT Tawakal merupakan senjata pengurus Muslim untuk bersaing dalam menjalankan perniagaan bagi memastikan kejayaan yang berterusan. Firman-Nya yang bermaksud;

“Barangsiapa yang mahu pasrah kepada Allah (bertawakal), nescaya Allah akan mencukupinya.” (Surah Al-Talaq: 3)

Selain itu, Nabi Muhammad (SWT) juga telah bersabda yang bermaksud:

“Selamanya kamu sekalian pasrah yang sesungguhnya, nescaya Dia akan memberi rezeki kepadamu sebagaimana Dia memberikan rezeki kepada burung-burung, yang pergi di waktu pagi dalam keadaan perut kosong, kemudian pulang di petang hari dalam keadaan kenyang.”
(Hadis Riwayat Tarmizi)

Untuk menjadikan diri agar dapat bertawakal, pengurus hendaklah mengadakan latihan secara berterusan sehingga terciptanya suatu kebiasaan dan akhirnya menjadi tindakan yang sukar untuk ditinggalkan. Mereka juga mestilah menanamkan azam dan semangat untuk mencapai tujuan tersebut sehingga mereka selalu berwaspada dan tidak berputus asa serta tidak berhenti untuk meningkatkan kemampuan. Dalam menjayakan aktiviti perniagaan Pengurus hendaklah bertawakal terhadap setiap perkara yang akan berlaku setelah pelbagai usaha diambil. Firman-Nya yang bermaksud:

“Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakal kepada Allah SWT” (Surah Ali-Imran: 159)

Ketaqwaan pengurus akan meningkatkan sensitiviti mereka terhadap keredaan dan kemurkaan Allah SWT di atas setiap tindakan dan keputusan. Ketaqwaan menjurus untuk memenuhi hak Allah SWT sebagai tanggungjawab yang paling tinggi dan mutlak. Ketaqwaan yang dimiliki menyebabkan pengurus mengambil tindakan berikut:

Menyediakan Misi Dalam Setiap Pekerja

Misi pengurus adalah untuk melaksanakan perintah Allah SWT dalam setiap aspek kehidupannya, termasuklah diri sendiri, keluarga, organisasi dan negara. Dalam setiap aktiviti dan kegiatannya, pengurus akan berusaha untuk melaksanakan apa yang dituntut oleh Islam. Apa yang dikehendaki oleh Allah SWT maka itulah yang akan dilakukan oleh mereka. Sabda Rasulullah (SWT) yang bermaksud:

“Barangsiapa yang menaman seponon pokok, kemudian dia sabar menjaga dan mengurusnya sehingga berbuah maka sesungguhnya baginya pada tiap-tiap sesuatu yang dimakan daripada buahnya merupakan sedekah di sisi Allah”. (Hadis Riwayat Ahmad)

Dengan cara ini, pengurus akan sentiasa berusaha untuk memperoleh kejayaan dan kebahagiaan hakiki di dunia dan di akhirat. Sekiranya ditanya apakah misi mereka, mereka akan menjawab mencari keredaan sebagaimana yang dituntut oleh Allah SWT.

Membentuk Peribadi Yang Seimbang

Pembentukan peribadi pengurus Muslim perlu diseimbangkan di antara tuntutan dan keperluan rohani, emosi, intelek dan jasmani ke arah mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Ini adalah kerana Islam merupakan agama yang lengkap atau pun syumul yang memberi penumpuan secara seimbang antara urusan muamalah seharian dengan ibadat-ibadat khusus yang perlu ditunaikan. Pendekatan ini membuktikan Islam tidak menyekat kegiatan duniawi malah menggalakkan penglibatan pengurus dalam menjayakannya. Keseimbangan di antara tuntutan dunia dan akhirat membolehkan pengurus memperoleh keuntungan di dunia dan mendapatkan keberkatan daripada Allah SWT Sungguhpun begitu Allah SWT telah memberi peringatan kepada pengurus bahawa kehidupan dan kemewahan yang diperoleh di dunia ini hanyalah satu permainan sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Dan kehidupan dunia tidak lain kecuali (sekadar) hiburan dan permainan, dan sesungguhnya akhirat itu benar-benar kehidupan kalau mereka memahaminya.” (Surah Al-Ankabut: 64)

Sumber Kebahagiaan Dan Ketenangan Jiwa

Ketaqwaan akan menjurus hati pengurus ke arah keamanan dan ketenangan. Ketaqwaan berjaya menutup pintu ketakutan dan kebimbangan terutama

dalam aspek-aspek berkaitan dengan pencarian rezeki, takut kepada kerugian, pesaing dan kegagalan. Adapun pengurus yang mentauhidkan Allah kepada Allah SWT akan lebih bersedia menyerahkan diri kepada Allah SWT setelah pelbagai usaha telah diambil. Oleh sebab itu, pengurus yang bertaqwa akan sentiasa dalam keadaan bahagia dan tenang. Firman-Nya yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu merasa lemah, dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamulah orang yang tertinggi (darjatnya) jika kamu orang yang beriman” (Surah Ali-Imran, 139)

Perlu ditegaskan, ketenangan dan keseronokan adalah merupakan salah satu daripada keperluan asas yang perlu diberi perhatian oleh pengurus. Perasaan tenang dan seronok bukan sahaja ingin dikecapi di rumah tetapi juga di tempat kerja. Ini boleh dikecapi melalui suasana mesra yang dapat dijalinan dengan pekerja dalam organisasi sebagai satu jemaah yang sama-sama tunduk dan patuh kepada arahan dan larangan-Nya. Segala tindak-tanduknya sangat menyenangkan, penampilannya baik sahaja dimata seseorang, bahkan seseorang itu boleh menyukai terhadap apa-apa sahaja yang datang darinya.

“Jiwa itu laksana cermin, sedangkan petunjuk Ilahi bagaikan cahaya (Nur). Kalau jiwa manusia itu benar-benar bersih, pasti cahaya Ilahi akan tertangkap jiwa.” (Al Ghazali)

Oleh yang demikian cahaya Ilahi merupakan sesuatu yang bersih dan suci, dan sudah tentu ia akan datang ke tempat yang bersih dan suci sahaja. Sebaliknya pengurus yang tidak memiliki ketenangan jiwa akan sentiasa dirundum pelbagai kesulitan, keresahan, ketidakbahagiaan dalam mengurus kehidupan mereka. Melalui ketenangan jiwa yang dimiliki oleh mereka akan membolehkan mereka meleraikan pelbagai permasalahan dengan baik dan menjadikan setiap halangan yang dihadapi sebagai loncatan ke arah kejayaan yang lebih cemerlang.

Kesan Terhadap Pembangunan Akhlak

Ketaqwaan pengurus akan dapat meletakkan diri mereka di tempat yang mulia serta disenangi oleh pelbagai pihak. Jalinan perhubungan di antara mereka akan lebih akrab kerana mereka lebih bersikap bertanggungjawab, bertolak ansur dan saling memahami. Pengurus yang berakhlak mulia dan amanah amat disenangi oleh Allah. Mereka bertindak secara konsisten dalam menjalankan tugas dengan cekap dan penuh tanggungjawab (akauntabiliti) kerana ikatannya hanyalah kepada Allah SWT dan tidak pada orang lain.

Bekerja Dengan Ikhlas dan Amanah

Ketaqwaan pengurus Muslim akan menyebabkan mereka bekerja dengan penuh ikhlas, dengan penuh kerelaan dan suci hati. Perkara yang paling penting bagi mereka adalah untuk mencari dan mendapatkan keredhaan Allah. Maka ketaqwaan akan dengan sendirinya mengajar pengurus untuk menjalankan tugasnya dengan penuh amanah kerana mereka sedar setiap amanah perlu dipenuhi. Allah SWT berfirman yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruhmu supaya kamu membayarkan amanat kepada yang empunya, dan apabila kamu menghukum antara manusia, hendaklah kamu hukum dengan keadilan. Sesungguhnya Allah sebaik-baik mengajar kepadamu. Sesungguhnya Allah. Maha Mendengar lagi Maha Melihat.” (Surah An-Nisa’: 58)

Bekerja Dengan Semangat Tolong Menolong dan Berpadu Fikiran

Ketaqwaan yang dimiliki oleh pengurus dengan sendirinya akan menghasilkan kerja yang cemerlang hasil daripada pemupukan kerjasama dan tolong menolong daripada pelbagai pihak dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Ketaqwaan mereka akan menyebabkan mereka lebih berfikiran terbuka, menggalakkan perbincangan sesama sendiri dan menggalakkan penglibatan pelbagai pihak. Allah SWT pernah menegaskan melalui firman-Nya yang bermaksud:

“Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan kerosakan.” (Surah Al-Maaidah: 2)

Bekerja Dengan Azam Mengabdikan Diri Kepada Allah

Dengan menyedari yang mereka adalah hamba-Nya, maka sudah tentu pengurus akan mematuhi segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Dengan kata lain mereka bersedia untuk mengajak pihak lain melakukan amal makruf dan mencegahnya daripada melakukan kemungkaran. Firman-Nya yang bermaksud:

“Kamu adalah umat yang terbaik (khayra ummah) yang dilahirkan untuk manusia, menyeru kepada makruf, dan mencegah yang mungkar, dan beriman kepada Allah.” (Surah Ali-Imran: 110)

Prestasi Organisasi

Kesan daripada tindakan mereka yang sedemikian akan membantu organisasi untuk mencapai kejayaan yang berterusan hasil daripada kecekapan dan keberkesanan dalam membuat keputusan dan juga mengambil tindakan. Kecekapan merujuk kepada penggunaan input untuk menghasilkan output sebagaimana yang dikehendaki dengan mengelak daripada melibatkan kos yang tinggi sama ada dalam bentuk kewangan atau bukan kewangan. Pengurus perlu memastikan organisasi akan berjaya meningkatkan produktiviti berasaskan per unit sumber yang dilaburkan sama ada dalam bentuk usaha, masa atau kewangan. Kecekapan pengurus akan membolehkan organisasi menjimatkan kos, membenamkan konflik yang berlaku, mengurangkan ketegangan, ketidakpuasan dan kekecewaan dikalangan pekerja dan juga pelanggan. Oleh itu, pengurus perlu pastikan terdapatnya nilai tambah ke atas produk akhir hasil daripada setiap keputusan dan tindakan yang diambil. Manakala keberkesanan pula berkait rapat dengan keupayaan pengurus melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan penuh tanggungjawab. Pengurus perlu menerima hakikat bahawa setiap tindakan dan keputusan yang ingin dilakukan hendaklah menjurus kepada penggunaan sumber secara optimum.

Penekanan kepada kecekapan dan keberkesanan akan membolehkan mereka menerima hakikat bahawa semua sumber yang terdapat dalam organisasi disediakan oleh Allah SWT, objektif penyediaan sumber-sumber berkenaan adalah untuk faedah manusia sejagat dan menjadi peranan mereka untuk mengeksploit, membangun, menggabung dan memberi nilai tambah ke atas setiap sumber yang telah dikurniakan-Nya dalam usaha untuk memastikan organisasi terus kekal cemerlang.

Kerahmatan Sejahtera

Dalam konteks ini pengurus perlu merealisasikan ajaran Islam sebagai agama yang memberi kerahmatan kepada sekalian alam. Mereka perlu pastikan segala tindakan dan keputusan yang dibuat mampu memberi kemakmuran kepada pelbagai pihak yang berkepentingan. Firman Allah yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.” (Surah Al-Anbiyaa’: 107)

Justeru itu Islam perlu diterima sebagai agama yang syumul, agama yang sesuai sepanjang zaman dan agama yang merentasi sempadan tempat dan waktu. Seterusnya Islam adalah agama yang menyatukan akidah dan syariah, ibadat dan muamalat, din dan daulah, dunia dan akhirat.

KESIMPULAN

PSM dari perspektif Islam melibatkan pembangunan pekerja dari segi penampilan fizikal, pembangunan akal, pengurusan nafsu dan juga kemantapan kerohanian yang perlu dimiliki oleh setiap pengurus. Dalam konteks ini mereka perlu dilihat sebagai individu yang telah diberi kelebihan oleh Pencipta untuk memobilisasi sumber melalui pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan kepakaran yang dimiliki dengan menggunakan kekuatan kreativiti dan inovasi selari dengan syariat yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Mereka perlu diterima sebagai individu yang sentiasa mencari dan menilai peluang dengan tujuan meraih keuntungan, mengembangkan organisasi di bawah penyelenggaraan mereka dengan harapan pelbagai pihak akan memperoleh manfaat daripada tanggungjawab yang telah diamanahkan. Individu sedemikian akan terus mencari, memberi nilai tambah dan menambahbaik proses, produk atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh organisasi demi untuk faedah diri sendiri, ummah dan makhluk Allah SWT yang lain selari dengan tuntutan dan arahan yang telah ditetapkan dalam Al-Qur'an, sunnah, qias dan ijmak ulamak. Dengan lain perkataan, pengurus sedemikian adalah individu yang diberi kelebihan oleh Allah SWT sebagai insan yang sentiasa bekerja untuk memanfaatkan kurniaan-Nya dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan penghuni semesta alam melalui penciptaan pekerjaan.

RUJUKAN

- Abdun Noor. (2001). Education and human resource: A comprehensive approach from the Islamic perspective. *Islamic Quarterly*, 325-342.
- Abul Hasan Ali Nadwi. (1975). *Religion and civilization*. Lucknow: Academy of Islamic Research and Publications.
- Afzal Ur-Rahman. (1994). *Doktrin ekonomi Islam* (jld.1). diterjemahkan oleh Mustafa Kassim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, J. A., Gibbs, M., & Camp, C. R. (2000). Human resource strategy: The ten commandments perspective. *The International Journal of Sociology and Social Policy*, 20 (19): 45 - 67.
- Ali Shari'ati. (1979). *On the sociology of Islam*. Berkeley: Mizan Press.
- Duran, K. (1997). *Leonard Swidler's draft of a global ethic: a Muslim perspective*. Center for Global Ethics, Philadelphia, PA, 22 April.
- Fuad M. Fachruddin. (1982). *Ekonomi Islam*. Jakarta: Penerbit Mutiara.
- Haron Din. (1988). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Khaliq Ahmad (2004). Choice of allocation norms and perceived fairness of Malaysian corporat management. *International Journal of Commerce & Management*. 14 (2), 15-32.
- Mansor, N. & Ali, J. M. (1998). An exploratory study of organizational flexibility in Malaysia: A research note. *International Journal of Human Resource Management*, 9, 3, 506-515.

- Monir Toyeb. (1997). Islamic revival in Asia and human resource Management. *Employee Relations*, 19 (4), 352-364.
- Muhammad Ali Haji Hashim. (2004). *Bisnes satu cabang jihad: Pembudayaan bisnes untuk survival*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Muhammad Nasri Hj. Md. Hussain., & Ab Aziz Yusof. (2005). *Pengurusan sumber manusia dari perspektif Islam*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Muhammad Syukri Salleh. (2002). *Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Rafik Issa Beekun. (1997). *Islamic business ethics*. Herndon, Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Rahman, A.R. (1996). Administrative responsibility: An Islamic perspective. *American Journal of Islamic Social Sciences*. 3 (4): 40 - 52.
- Smirnov.A (1996). Understanding justice in an Islamic context: Some points of contrast with western theories. *Philosophy East & West*, 46 (3), 337-350.
- Syed Jalaluddin Umri, M. (1997). *Human being and his problems*. Kuala Lumpur: Golden Book Centre.
- Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas. (1978). *Islam and secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Yousef, D. A. (2001). Islamic work ethic: A moderator between organizational commitment and job satisfaction in a cross-cultural context. *Personnel Review*, vol. 30 (2), 152-169.
- Yusof Al-Qardhawi. (1985). *Iman dan kehidupan*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Yusof Ali. A. (1983). *The Holy Quran: Translation and commentary*. Maryland: Amana Corp.
- Zahid Parvez., & Pervaiz Ahmed. (2004). An Islamic perspective on the lack of social responsibility in business organization. Working Paper Series No:WP005/04, Management Research Centre, Wolverhampton University Business School, 2-15.

Ab. Aziz Yusof,
Prof. Madya
Nur Fitriah Ahmad Fadhil
Azmi Shaari,
Prof. Madya
Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok, Kedah, MALAYSIA
abaziz@uum.edu.my